



KASTAM PATAH 3 CUBAAN SELUDUP MELALUI KLIA

Sorok dadah dalam gam silikon

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiga belas bungkusan methamphetamine seberat 1.07 kilogram (kg) bernilai RM35,178 yang disorokkan di dalam gam silikon antara dadah bernilai lebih RM1 juta yang dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit III (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur).

Pengarah Operasi Penguatkuasaan Zon Tengah Wong Pun Sian berkata, keseluruhan dadah dirampas seberat 14.6kg itu cuba diseludup masuk dan keluar

dari negara ini.

Kata beliau, kesemua dadah itu membabitkan tiga kes yang dipatahkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) antara 11 April hingga 14 Mei lalu.

"Bagi kes pertama, kami mematahkan cubaan menyeludup keluar methamphetamine melalui kargo udara, jam 1 pagi pada 14 Mei lalu.

"Satu pakej yang beralamat di Johor disita di hab syarikat penghantaran ekspres di Kargo KLIA.

"Pemeriksaan menemukan 13 bungkusan methamphetamine bernilai RM35,178 yang disorok dalam gam silikon," katanya, semalam.

Pun Sian berkata, siasa-

tan awal mendapati pakej itu akan dieksport ke Australia dengan maklumat pengirim disyaki dipalsukan bagi mengelirukan pihak berkuasa.

"Taktik sindiket ini adalah dengan menyembunyikan dadah di dalam gam silikon sebelum dimasukkan ke dalam kotak kasut bagi mengaburi pihak berkuasa," katanya.

Dalam kes kedua, pihaknya mematahkan cubaan menyeludup keluar heroin melalui pemeriksaan ke atas pakej di premis Pos Malaysia International Hub (PMIH) Kargo KLIA jam 12.30 tengah hari, 28 April lalu.

"Pemeriksaan menemukan sembilan paket pembungkus aluminium foil mengandungi heroin seberat 4.63kg dianggarkan bernilai RM435,220 yang diletakkan di dalam tin minuman.

"Dagangan itu dari Johor yang diikrarkan sebagai Avocado Multigrain dan akan dieksport ke Australia," katanya.

Menurut beliau, taktik sindiket dalam kes itu adalah menggunakan maklumat pengeksport palsu, juga bagi mengaburi pihak berkuasa.

Bagi kes ketiga pula, pihaknya menyita satu pakej

antarabangsa dari Pakistan yang mengandungi ketamin di premis PMIH Kargo KLIA pada jam 11.30 pagi, 11 April lalu.

Menurutnya, pemeriksaan pada pakej berkenaan menemukan sembilan plastik mengandungi ketamin seberat 8.894kg dianggarkan bernilai RM533,640.

"Siasatan awal mendapati, pakej itu dikirim ke alamat palsu. Taktik digunakan pula ialah dengan menyembunyikan dadah di dalam paket aluminium foil bagi mengaburi imej pada mesin pengimbas.

"Sindiket juga menggunakan perkhidmatan kurier bagi tujuan penghantaran," katanya.

Beliau berkata, pihaknya masih mengesan suspek

yang terbabit dalam tiga kes terbabit.

"Ketiga-tiga kes itu disiasat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Sepanjang Januari hingga April lalu, kami menumpaskan cubaan menyeludup pelbagai jenis dadah bernilai lebih RM4.9 juta membabitkan 37 kes melalui perkhidmatan kurier dan kargo udara," katanya.

Orang ramai diseru untuk menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan dengan menghubungi talian bebas to 1-800-88-8855 atau pejabat kastam berhampiran.

"JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan," katanya.

PELBAGAI taktik digunakan sindiket penyeludupan dadah bagi mengaburi pihak berkuasa di lapangan terbang.